



GEREJA KRISTUS

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Gereja Kristus

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Gereja Kristus



“Tubuh kita mempunyai banyak anggota, dan setiap anggota tubuh mempunyai tugas yang berlainan. Begitu juga halnya dengan kita. Sungguhpun bilangan kita banyak, tetapi kita satu tubuh kerana kita bersatu dengan Kristus. Kita semua dihubungkan satu dengan yang lain sebagai anggota-anggota daripada satu tubuh.”
(Roma 12:4,5)

Dalam tempoh hanya tiga abad selepas kematian, kebangkitan dan kenaikan Yesus Kristus ke syurga, para pengikut-Nya telah pergi menyebarkan ajaran ke Yunani, Roma dan sekitarnya. Pada tahun 60 Masihi, sudah ada perjumpaan jemaah kecil yang kerap berjemaah bersama dari Yerusalem ke Roma. Mesej mereka telah memberikan kesan kepada kedua-dua orang Yahudi dan bukan Yahudi.

Cerita tentang Yesus dari Galilea mula berkembang, kadang-kala melalui kesaksian perseorangan (Paulus dikawal oleh dua orang tentera Roma selama dua tahun) dan kadang-kala melalui mesej dinamik umum di forum awam. Sekitar 100 Masihi, beberapa ilmuwan

memberitahu bahawa pengikut-pengikut “gereja” baru ini telah mencecah 10% daripada keseluruhan penduduk Roma.

Sejak dari mula lagi, orang Kristian kerap bertemu dan sentiasa bersatu dalam doa. Kisah Rasul-Rasul bab 1 merekodkan perjumpaan 120 orang. Kisah Rasul-Rasul 2 menyatakan bahawa tiga ribu orang telah ditambah masuk ke dalam kumpulan tersebut, dan Kisah Rasul-Rasul 4 menyebut tentang jumlah orang-orang percaya yang telah mencecah lima ribu (Kisah Rasul-Rasul 1:14-15; 2:41; 4:4). Alkitab menyebut amalan penyatuan bersama ini sebagai “gereja.”


A. Imej & Metafor Gereja

Dalam Perjanjian Baru, perkataan Latin *ekklesia* diterjemahkan sebagai “gereja,” yang merujuk kepada kumpulan orang yang “dipanggil keluar” oleh Allah. Ia tidak pernah digunakan untuk merujuk kepada bangunan kerana tidak ada bangunan gereja pada masa itu. Gereja adalah orang. Kita perlu menemukan semula realiti Gereja seperti maksud awalnya dan ini boleh ditemukan dengan beberapa rujukan di dalam Perjanjian Baru:

Ada tiga metafora yang digunakan untuk Gereja dalam Perjanjian Baru bagi mengajar orang-orang percaya tentang fungsinya yang pelbagai.

1. Tubuh Kristus

Gereja adalah “*tubuh Kristus*.” Yesus Kristus sendiri adalah kepala untuk tubuh tersebut. Setiap ahli berfungsi di bawah pimpinan kepala dan saling bergantung antara satu sama lain: “Kristus bagaikan tubuh manusia, yang mempunyai banyak anggota. Tubuh itu satu tetapi terdiri daripada banyak anggota.” Perhatikan ayat-ayat Alkitab yang berikut ini:



“Kristus bagaikan tubuh manusia, yang mempunyai banyak anggota. Tubuh itu satu tetapi terdiri daripada banyak anggota.”
(1 Kor 12:12)

“Hanya ada satu tubuh dan satu Roh, begitu juga kamu dipanggil oleh Allah untuk satu harapan.” (Ef 4:4)

“Hendaklah kedamaian yang diberikan oleh Kristus menolong kamu membuat keputusan tentang apa yang harus dilakukan, kerana Allah telah memanggil kamu supaya menjadi anggota satu tubuh, sehingga kamu dapat mengalami kedamaian itu. Bersyukurlah!”
(Kol 3:15)

Gereja adalah tubuhNya yang memenuhi semua dan segala sesuatu (Efesus 1:23)



Baca penerangan rasul Paulus di dalam Roma 12:4-8.

⁴Tubuh kita mempunyai banyak anggota, dan setiap anggota tubuh mempunyai tugas yang berlainan. ⁵Begitu juga halnya dengan kita. Sungguhpun bilangan kita banyak, tetapi kita satu tubuh kerana kita bersatu dengan Kristus. Kita semua dihubungkan satu dengan yang lain sebagai anggota-anggota daripada satu tubuh. ⁶Oleh itu kita harus menggunakan kurnia-kurnia yang berlainan, menurut rahmat-Nya yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita. Jika kita mempunyai kurnia untuk mengkhabarkan berita daripada Allah, kita harus melakukannya menurut kebolehan yang dikurniakan oleh Allah kepada kita. ⁷Jika kita mempunyai kurnia untuk menolong orang lain, kita harus menolong mereka. Jika kita mempunyai kurnia untuk mengajar, kita harus mengajar. ⁸Jika kita mempunyai kurnia untuk menggalakkan orang lain, kita harus melakukannya. Sesiapa yang mempunyai kurnia untuk berkongsi milik dengan orang lain, harus melakukannya dengan murah hati. Sesiapa yang mempunyai kurnia untuk menjadi pemimpin, harus memimpin dengan tekun. Sesiapa yang mempunyai kurnia untuk menunjukkan belas kasihan kepada orang lain, harus melakukannya dengan sukacita. (Rm 12:4-8)

Dengan cara yang bagaimanakah setiap anggota tubuh (yakni Gereja) mengalami kesatuan dan dengan cara bagaimanakah mereka berbeza?

Kristus adalah kepala kepada tubuh itu dan setiap daripada kita membentuk anggota tubuh rohani-Nya, iaitu Gereja (Efesus 5:23-24). Perhatikan bahawa kita tidak menjadi tubuh itu apabila kita

bekerja bersama dalam harmoni. Kita adalah tubuh itu tanpa mengira kita bekerja sama dalam harmoni atau tidak! Kita adalah Gereja apabila kita menjadi Kristian.

Persoalannya adalah adakah tubuh itu suatu tubuh yang sihat yang berfungsi di bawah kawalan kepala, atau suatu tubuh yang tidak sihat. Dengan memikirkan Gereja sebagai satu tubuh Kristus, kita memberi penekanan kepada orang-orang Kristian yang berfungsi secara harmoni di dalam satu komuniti Kristian. “Kamu semuanya menjadi satu kerana Kristus Yesus.” (*Galatia 3:28*)

Setiap anggota tubuh itu penting. Seperti mana tubuh fizikal, meski anggota yang terkecil pun mempunyai kepentingan yang sama seperti anggota terbesar. Orang tidak dikenali yang berdoa sama pentingnya seperti seorang guru yang dikenali. Apabila salah satu anggota menderita, seluruh tubuh akan menderita. “Dengan demikian tubuh itu tidak ter-bahagi-bahagi “kerana setiap anggota adalah diperlukan.” (*1 Korintus 12:25*)

Anggota-anggota gereja harus mempunyai berhubungan rapat antara satu sama lain, seperti dengan Kristus. Oleh itu, jika satu anggota tubuh menanggung penderitaan, semua anggota lain menanggung penderitaan juga, dan jika satu anggota tubuh dipuji, semua anggota lain turut bersukacita. (*1 Korintus 12:26*)

2. Rumah Allah

Gereja adalah *rumah Allah*: “Hendaklah kamu datang kepada-Nya sebagai batu yang hidup. Biarlah kamu digunakan untuk membina rumah Allah yang rohani” (1 Petrus 2:5). Seisi rumah Allah “dibina di atas asas yang diletakkan oleh para rasul dan nabi, dengan Kristus sebagai *batu asasnya*” (Efesus 2:20). Bangunan atau rumah Allah adalah tempat kediaman Roh Kudus; ia terdiri daripada semua individu yang mana Roh Kudus tinggal di dalamnya (1 Korintus 6:19-20).

Oleh itu, rumah Allah bukannya diperbuat daripada batu-bata dan campuran simen, tetapi dibina daripada orang-orang yang merupakan “batu yang hidup.” Bangunan gereja yang kosong bukan gereja, walaupun ia merupakan tempat ahli gereja bertemu. Mereka yang menghadirkan diri adalah tempat kediaman Allah.

¹⁹Oleh itu, kamu orang bukan Yahudi bukan lagi orang asing ataupun pendatang. Sekarang kamu warga umat Allah dan anggota keluarga Allah. ²⁰Kamu pun dibina di atas asas yang diletakkan oleh para rasul dan nabi, dengan Kristus Yesus sebagai batu asasnya. ²¹Dialah yang menjadikan seluruh bangunan itu tersusun rapi dan meluaskannya sehingga menjadi Rumah Allah yang dikhaskan untuk Tuhan. ²²Kerana kamu hidup bersatu dengan Kristus, kamu juga dibina bersama-sama semua orang lain menjadi sebuah tempat kediaman Allah; di situ Roh Allah tinggal.
(Ef 2:19-22)

Baca Efesus 2:19-22. Bagaimana anda mempersembahkan struktur yang diterangkan oleh Paulus

dalam satu bentuk blok diagram?

Bangunan yang seperti apakah yang Paulus nyatakan di sini?

Siapa yang tinggal di dalam bangunan itu?

Metafora Gereja ini memberitahu kita satu lagi aspek. Bangunan tidak terus berdiri dari tapaknya: ia harus dirancang dan dibangun dengan cara yang teratur supaya ia dapat berfungsi. Dalam masa yang sama, peranan kita di dalam Gereja bukanlah sembarangan tetapi telah dirancang rapi dan terhubung kait dengan orang lain oleh Sang Pencipta.

Bangunan itu juga adalah tempat kediaman Allah yang hidup. Gereja adalah rumah Roh Allah, dan fungsi Gereja sebagai sebuah bangunan ialah untuk menyembah dan memuji Dia. Tafsiran Gereja sebagai sebuah bangunan atau Bait di mana Allah akan berdiam, menekankan hadirat kudus Allah di antara umat-Nya.

3. *Pengantin Perempuan Kristus*

Gereja adalah *pengantin perempuan Allah*. Perkahwinan melambangkan hubungan Allah dengan gereja (Efesus 5:25-27; 31-32; 2 Korintus 11:2; Wahyu 19:7, 22:17). Metafora ini berperanan besar dalam menggambarkan *kasih terdalam dan komitmen penuh Allah* terhadap Gereja-Nya.


²⁵Hai suami, kasihilah isteri kamu, sebagaimana Kristus mengasihi jemaah, dan mengorbankan nyawa-Nya untuk jemaah. ²⁶Kristus berbuat demikian untuk membersihkan jemaah dengan air dan dengan firman-Nya, supaya Dia dapat menyerahkan Jemaah kepada Allah. ²⁷Dengan demikian Kristus memiliki jemaah yang penuh dengan kecemerlangan, yang murni, dan yang tidak bercacat cela sedikit pun. ²⁸Suami harus mengasihi isteri seperti mengasihi tubuh sendiri. Orang yang mengasihi isteri berarti mengasihi diri sendiri. (²⁹Tidak seorang pun pernah membenci tubuhnya sendiri. Sebaliknya, dia memelihara dan menjaganya, seperti Kristus juga memelihara dan menjaga jemaah, ³⁰kerana kita anggota tubuh Kristus.) ³¹Di dalam Alkitab tertulis, "Itulah sebabnya seorang lelaki akan meninggalkan ibu bapanya untuk bersatu dengan isterinya, dan kedua-duanya akan menjadi satu." ³²Ayat itu mengandungi erti yang dalam. Menurut pengertianku, ayat itu berkaitan dengan hubungan antara Kristus dan jemaah. (Ef 5:25-32)

Baca Efesus 5:25-32. Siapakah Pengantin Lelaki itu?

Apa yang Pengantin Lelaki mahu untuk bakal Pengantin Perempuannya?

Imej ini memberitahu kita tentang takdir Gereja itu. Kita semua boleh memandang ke hadapan untuk perjamuan perkahwinan Anak Domba seperti yang tercatat di Wahyu 19:6-9 di mana nasib Gereja itu direalisasikan. Penekanan di sini adalah kasih Kristus terhadap Gereja dan takdir kesempurnaan dan kemuliaan Gereja.

Ada yang bertanya sama ada bolehkah seseorang menjadi orang Kristian tetapi tidak menganggotai tubuh orang-orang percaya, rumah Allah dan pengantin perempuan Allah. Ia serupa seperti berkata, "Saya akan berkahwin, tetapi tidak akan melihat pengantin perempuan itu lagi, ataupun terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dilakukannya. Mungkin hanya pada hari Natal saya berpeluang melakukan hal sedemikian!"



Idea Allah pada mulanya adalah untuk memasukkan orang-orang yang bersendirian ke dalam keluarga besar-Nya. Hal ini adalah sebahagian daripada rancangan-Nya apabila kita percaya kepada Anak-Nya dan kita turut dipanggil sebagai “anak-anak Allah” (Mazmur 68:6; Yohanes 1:12).

Jadi, gambaran Alkitab tentang kehidupan Kristian yang normal adalah untuk mengadakan perjumpaan yang kerap dengan umat Kristian yang lain.



B. Fungsi Gereja

Sekarang kita mengerti bahawa Gereja bukan merujuk kepada bangunan, tetapi orang percaya yang membentuk komuniti Kristian tersebut. Mari kita lihat apa yang dilakukan oleh Gereja.

1. Menyembah

Menyembah bermaksud menghargai Allah kerana Dia layak dipuji. Baca Wahyu 4:11. Penyembahan alkitabiah membayangkan pemujaan suatu makhluk yang lebih besar. Kisah Rasul-Rasul memberitahu kita Gereja awal banyak memperuntukkan masa mereka untuk berdoa dan menyembah. Ada sukacita di dalam penyembahan mereka. Hasilnya, setiap individu dibangun dan komuniti beriman itu didorong untuk mencari arah dan tujuan mereka. Lihat Kisah Rasul-Rasul 13:2 sebagai contoh.

“Ya Tuhan dan Allah kami! Engkau sahaja yang layak menerima kemuliaan, penghormatan, dan kekuasaan, kerana Engkaulah yang menciptakan segala sesuatu, dan dengan kehendak-Mu juga segala sesuatu itu wujud dan hidup.”

(Wahy 4:11)

“Sementara mereka beribadat kepada Tuhan dan berpuasa, Roh Allah berkata kepada mereka, “Pilihlah Barnabas dan Saulus khas untuk-Ku, supaya mereka menjalankan tugas yang sudah Aku tetapkan bagi mereka.” (Kis 13:2)

2. Mengajar

Peranan Gereja adalah untuk memberi satu pengajaran dan khutbah yang sistematik supaya umat Kristian dapat bertumbuh menjadi dewasa di dalam iman serta pengetahuan akan Yesus Kristus. Umat Allah di Gereja awal banyak menghabiskan masa mereka untuk belajar dari para rasul seperti yang dicatat di Kisah Rasul-Rasul 2:42.

“Dengan tekun mereka menerima ajaran daripada rasul-rasul. Mereka hidup bersaudara, makan bersama-sama, dan berdoa bersama-sama.” (Kis 2:42)

3. *Persekutuan*

Dalam ayat Kisah Rasul-Rasul 2:42 juga menunjukkan umat Kristian awal memberikan diri mereka untuk persekutuan. Itu ialah hasil hidup bersama kita sebagai umat Allah. Ianya bukan suatu masa untuk gossip dan bercakap kosong, tetapi merupakan suatu masa untuk kita saling mendorong dan membina di dalam keluarga Allah, atau berkongsi apa yang kita telah belajar dari Tuhan. Ia juga merupakan suatu masa untuk kita menyembuhkan dan bertumbuh ketika kita menggunakan kurnia yang telah diberikan kepada kita oleh Roh Kudus.

4. *Perjamuan Suci*

Kisah Rasul-Rasul 2:42 berkata tentang memecah-mecahkan roti ketika mereka merayakan Perjamuan Tuhan atau Perjamuan Suci. Salah satu fungsi Gereja ialah menjalankan sakramen Perjamuan Suci dan Pembaptisan. Ini adalah cara di mana kasih kurnia Allah dilaksanakan untuk ahli-ahli Gereja Kristus.

5. *Berdoa*

Sekali lagi ayat yang sama menunjukkan bahawa Gereja awal melibatkan diri dalam doa. Gereja adalah suatu komuniti yang berdoa. Bukan sahaja

ahli-ahli Gereja mendorong dan mendukung satu sama lain di dalam doa, tetapi Gereja juga mem-punyai peranan doa syafaat untuk mereka yang belum mengenal Kristus sebagai Penyelamat.

6. *Berkongsi*

Baca Kisah Rasul-Rasul 2:44,45. Gereja berkongsi harta milik mereka supaya tidak ada orang yang miskin di antara mereka. Perhatian sosial dijelmakan dalam cara yang sangat praktikal. Pada hari ini, Gereja harus menghidupkan semula kesatuan yang membantu dari segi ringgit dan sen.

⁴⁴Semua pengikut Kristus berkumpul dengan penuh keakraban, dan mereka berkongsi milik. ⁴⁵Mereka menjual harta milik dan membahagi-bahagikan wang itu di kalangan mereka menurut keperluan masing-masing. (Kis 2:44,45)

7. *Disiplin*

Untuk memastikan kesucian Gereja, iaitu Bait Allah terpelihara, harus ada disiplin dan pembedahan. Matius 18:15-19 memberikan satu garis panduan kepada Gereja dalam melaksanakan disiplin. Sebarang bentuk dosa di dalam Jemaah harus diperhatikan, dengan tujuan utama untuk memulihkan pihak-pihak yang terlibat. Dosa, jika tidak ditangani dengan tegas dan penuh kasih, boleh mengakibatkan kemerosotan kehidupan peribadi dan komuniti. "Tidak tahukah kamu, bahawa sedikit ragi mengkhami seluruh adonan?" kata Paulus di 1 Korintus 5:6.

¹⁵Jika saudaramu berdosa kepadamu, pergilah kepadanya dan tunjukkan kesalahannya. Lakukan hal ini dengan diam-diam antara kamu berdua sahaja. Jika dia menurut kata-katamu, maka kamu berjaya mendapat kembali saudaramu.

¹⁶Tetapi jika tidak, bawalah seorang atau dua orang bersama-samamu. Berbuatlah demikian kerana di dalam Alkitab tertulis, 'Tiap-tiap tuduhan harus dikuatkan oleh kesaksian dua atau tiga orang saksi.'¹⁷Jika dia tidak mahu menerima nasihat mereka, beritahukan perkara itu kepada jemaah. Akhirnya jika dia masih tidak mahu menerima nasihat jemaah, anggaplah dia sebagai orang yang tidak mengenal Allah atau sebagai pemungut cukai."

¹⁸ "Ketahuilah, apa yang kamu larang di dunia, akan dilarang juga di syurga. Apa yang kamu izinkan di dunia, akan diizinkan juga di syurga."¹⁹Ketahuilah juga, setiap kali dua orang antara kamu di dunia ini bersetuju berdoa bagi perkara apa sahaja, doa itu akan dikabulkan oleh Bapa-Ku di syurga. (Mat 18:15-19)

8. Bersaksi

Gereja yang setia ialah satu kesaksian tentang realiti Allah yang hidup kepada masyarakat luar. Gereja melakukan ini bukan saja dengan perkataan, tetapi juga dengan keterlibatan sosial. Bagaimana rasul Paulus merujuk orang Kristan di 2 Korintus 5:18-21?

¹⁸Semua itu dilakukan oleh Allah. Melalui Kristus, Allah sudah mengubah kita daripada musuh menjadi sahabat-Nya. Dia juga menugaskan kita supaya menjadikan orang lain sahabat-Nya juga.

¹⁹Inilah yang kami isytiharkan: Melalui Kristus, Allah menjadikan semua orang sahabat-Nya. Dengan rela hati Allah mengampunkan dosa mereka. Dia sudah menugaskan kami untuk memberitakan hal itu.

²⁰Demikianlah kami berkata-kata bagi pihak Kristus, seolah-olah Allah sendiri memohon kepada kamu melalui kami. Kami menggesa kamu bagi pihak Kristus, supaya kamu membolehkan Allah mengubah kamu daripada musuh menjadi sahabat-Nya. ²¹Kristus tidak berdosa, tetapi demi kebaikan kita, Allah meletakkan dosa kita pada Dia. Dengan demikian kita berbaik semula dengan Allah, apabila kita bersatu dengan Kristus (2 Kor 5:18-21)

Apa yang dikatakan oleh Yesus kepada para murid-Nya sebelum Dia diangkat ke syurga? Lihat Kisah Rasul-Rasul 1:8.

“Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi.”

(Kis 1:8)

Sebagai Gereja, kita mempunyai tanggungjawab untuk memberitakan berita baik Allah kepada orang yang belum mengenal Tuhan tentang penyelamatan yang disediakan oleh Allah melalui kematian dan kebangkitan Yesus Kristus. Dan ini bukan hanya ditunjukkan melalui perkataan, tetapi juga dijelmakan dalam cara hidup kita.

C. Bagaimana Sikap Gereja Terhadap Kepimpinan

- a) Umat Kristian haruslah dengan rendah hati tunduk dan mentaati kewibawaan pemimpin mereka. Dalam Ibrani 13:17, penulis menjelaskan bahawa para pemimpin harus ditaati dan kewibawaan mereka harus dikenali serta ditunduki. Ini adalah cara pentertiban Allah untuk Gereja supaya ia berfungsi sesuai dengan kehendak Allah. Dalam menunduki kepada mereka yang telah diletakkan oleh Allah di atas kita, kita sebenarnya tunduk kepada Allah sendiri.

Petrus dan rasul-rasul yang lain menjawab, "Kami harus taat kepada Allah dan bukan kepada manusia." (Kis 5:29)

Tetapi jika pihak kepimpinan melakukan di luar atau bertentangan dengan Firman Tuhan, maka kita harus memilih untuk taat kepada Allah sendiri. Inilah yang terpaksa dilakukan oleh rasul Petrus apabila dia diminta untuk berhenti memberitakan Injil oleh pemimpin agama. Baca Kisah Rasul-Rasul 5:29. Apa yang anda boleh pelajari dari ayat ini?

“Kamu mengikut teladan kami dan teladan Tuhan. Meskipun kamu menanggung banyak penderitaan, kamu menyambut perkhabaran itu dengan kegembiraan yang datang daripada Roh Allah.”

(1Tes 1:6)

- b) Orang Kristian harus mengikut contoh pemimpin mereka. Baca 1 Tesalonika 1:6. Apa yang dikatakan oleh rasul Paulus tentang orang percaya di Tesalonika?

Pemimpin Kristian harus menjadi contoh-contoh yang baik dalam usaha mengikut jejak tuan mereka, Yesus Kristus.

“Demi Tuhan kita Yesus Kristus, dan demi kasih yang dikurniakan oleh Roh Allah, aku menggesa kamu supaya berdoa dengan tekun kepada Allah bersama-sama aku untukku.”(Rm 15:30)


- c) Kristian harus berdoa untuk pemimpin mereka, pendeta/pastor dan keluarga mereka. Baca Roma 15:30. Paulus mendesak umat Kristian berdoa untuknya. Dalam melakukan itu, mereka sebenarnya sudah menyertainya di dalam pelayanannya. Inilah apa yang harus dilakukan oleh Gereja dan umat Kristian terhadap pemimpin mereka, iaitu membawa pemimpin serta keluarga mereka kepada Tuhan di dalam doa.

¹²Saudara-saudaraku, kami menggesa kamu supaya menghormati mereka yang bekerja di kalangan kamu. Mereka memimpin dan menasihati kamu dalam kehidupan kamu sebagai orang Kristian.

¹³Perlakukanlah mereka dengan penuh hormat dan kasihlah mereka, kerana semuanya yang dilakukan oleh mereka. Hendaklah kamu hidup rukun. (1 Tes 5:12-13)

- d) Kristian harus menghormati dan menghargai pemimpin mereka. Dalam 1 Tesalonika 5:12-13, Paulus menyeru kita untuk menghormati dan mengasihai pemimpin rohani kita. Di kebanyakan waktu, ada beberapa tugas pastor atau pemimpin yang kurang menyenangkan tetapi tugas mereka tetap harus dilaksanakan.

Gereja sebagai wadah,
Yesus sebagai Peribadi
yang memenuhi
wadah tersebut
dengan Diri-Nya.



Soalan Untuk Perbincangan:

1. Pada pandangan anda, bagaimana Gereja berbeza daripada satu kumpulan pembelajaran Alkitab atau kelompok sel?
2. Menurut anda, mengapa seorang Kristian harus menjadi ahli sebuah gereja?
3. Dengan metafora yang berlainan digunakan untuk menjelaskan Gereja, tuliskan beberapa refleksi peribadi anda tentang bagaimana anda boleh melibatkan diri dalam kehidupan Gereja.

4. Selepas membaca bahagian fungsi-fungsi Gereja, bagaimana anda mengevaluasi apa yang sudah atau tidak dilakukan oleh gereja anda? Nyatakan bahagian manakah yang harus diperbaiki lagi.

5. Apa pandangan anda terhadap kepimpinan di gereja anda?

6. Bagaimana anda boleh menjadi satu pertolongan yang praktikal dan positif kepada pemimpin di gereja anda?

NOTA

NOTA
